

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 25 OGOS 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) berapa banyak rumah PPR (disewa) yang telah dibina di Sabah sejak diperkenalkan pada Februari 2002 bertujuan untuk disewakan kepada golongan sasaran (golongan yang berpendapatan rendah dan setingan); dan
- (b) setakat ini berapa orang penyewa yang telah dikenal pasti menyewakan rumah PPR ini kepada orang lain bagi maksud keuntungan dan adakah pihak yang berwajib pernah membuat '*spotcheck*' untuk memastikan tiada rumah PPR ini disalahgunakan.

**JAWAPAN (a) :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 31 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa di Sabah telah siap dibina merangkumi 21,699 unit rumah dan telah memberi manfaat kepada 86,736 penduduk di negeri Sabah. Rumah PPR yang telah siap di negeri Sabah akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Sabah untuk pengurusan dan pengisian.

**JAWAPAN (b) :**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada isu penyewaan rumah kepada pihak ketiga (*sublet*) bagi maksud keuntungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai maklumat tepat mengenai statistik tindakan atau amaran yang telah diambil kepada penyewa berkenaan memandangkan pengurusan PPR adalah di bawah bidang kuasa pihak KKTP / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh pihak KKTP Sabah, beberapa siri mesyuarat bersama PBT telah diadakan dalam menangani isu *sublet* ini. Susulan daripada mesyuarat tersebut satu keputusan telah dibuat yang mana setiap PBT perlu mengemukakan laporan penuh pemantauan ke atas unit-unit yang berpenghuni setiap 3 bulan kepada pihak KKTP Sabah. Jika terbukti penyewa tersebut telah menyewakan unit tersebut, maka penguatkuasaan akan dilakukan dan tindakan penamatan kontrak penyewaan akan dilaksanakan kerana melanggar syarat-syarat penyewaan PPR.

Sekian, terima kasih.